

TARIKH: 13/4/2023  
SURAT KHBAR: KOSMO  
MUKA SURAT: 6

KOSMO 13/4 Pg:6



TANGKAP layar video yang dimuat naik di TikTok saifulxander.

## Sivakumar arah siasat segera dakwaan 'rider'

**PETALING JAYA** – Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar mengarahkan siasatan dibuat terhadap dakwaan seorang penghantar makanan tidak menerima gaji sepatutnya oleh sebuah syarikat perkhidmatan penghantaran makanan yang tular baru-baru ini.

Sivakumar melalui ciapan di Twitter kelmarin berkata, pegawai kementerian itu akan menghubungi syarikat berkenaan untuk siasatan lanjut.

"Saya ambil maklum dan telah arahkan pegawai saya untuk menyiasat dan selesaikan isu ini dengan segera," ciapnya.

Terdahulu, seorang penghantar makanan, Muhd. Saifuddin Mustafa, 28, menzahirkan kekecewaan apabila mendakwa gaji yang diterimanya hanya RM500 dan bukan RM800 seperti yang sepatutnya.

Video luahan tersebut yang dimuat naik di TikTok menggunakan akaun saifulxander turut tular dan mendapat lebih 900,000 tontonan.

Dakwaan tersebut mendapat pelbagai reaksi daripada orang ramai apabila ada yang mahu syarikat berkenaan membayar kembali gaji penghantar makanan tersebut.